

KENYATAAN MEDIA

27 JANUARI 2023

Suruhanjaya Tenaga
(Energy Commission)
No. 12, Jalan Tun Hussein,
Precinct 2,
62100 Putrajaya,
Malaysia.
T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637
Toll Free : 1-800-2222-78(ST)

ST Selesai Jalankan Siasatan Punca Kemalangan Elektrik Maut ke atas Dua Beradik di Bangi

Putrajaya, 27 Januari - Satu kemalangan elektrik maut melibatkan dua orang adik beradik telah berlaku pada 30 September 2022, jam 4:45 petang di Jalan Sungai Merab, Kampung Ternas Jernang, Bangi, Selangor. Mangsa pertama maut terkena renjatan semasa memegang tiang besi ampaian kain yang bersambung dengan bumbung zink rumah yang bertenaga, manakala mangsa kedua yang merupakan adiknya turut maut terkena renjatan ketika cuba menyelamatkan abangnya.

Suruhanjaya Tenaga (ST) telah selesai menjalankan siasatan berhubung kejadian tersebut dan kemalangan disiasat di bawah Peraturan-Peraturan Elektrik 1994. Jika disabitkan kesalahan, denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya boleh dikenakan ke atas pihak yang bersalah. Laporan Siasatan telah dimajukan oleh ST kepada Jabatan Peguam Negara untuk tindakan undang-undang selanjutnya.

ST ingin mengingatkan mana-mana pemilik rumah supaya tidak membuat sebarang pengubahsuaian rumah atau melakukan penambahan struktur rumah sehingga mengganggu laluan sesalur atas voltan rendah (SAVR) Tenaga Nasional Berhad (TNB) atau pemasangan TNB seperti meter, tiang dan lain-lain. Pemilik rumah perlu membuat permohonan kepada pihak TNB untuk mengalihkan pemasangan elektrik tersebut. Mana-mana orang awam yang menjalankan aktiviti selain kerja elektrik berhampiran pemasangan elektrik sehingga menyebabkan gangguan bekalan atau kerosakan kepada harta benda boleh diambil tindakan undang-undang di bawah subsekyen 33(D), Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447] dan sekiranya disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit.

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

Orang ramai juga diminta untuk melapor dan membuat aduan sekiranya mengesan sebarang kejangalan pada pemasangan TNB seperti tiang condong, talian servis kendur atau bersentuhan pada bumbung atau struktur logam bangunan, pemasangan merbahaya dan lain-lain kepada TNB melalui talian 15454 bagi Semenanjung Malaysia atau ST melalui talian 03-8870 8800/emel ke eaduan@st.gov.my.

*****TAMAT*****

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Azlina Mohammad Jais/Hazwani Ghazali/Muhammad Harith Safruddin

Unit Promosi dan Hubungan Luar

Tel: 03-8870 8753/019-3589255 (Azlina)/011 28866271 (Hazwani)/018 3822545 (Harith)

Emel: azlinamj@st.gov.my/noorhazwani@st.gov.my/harith@st.gov.my

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.